

13/10/2003

Ekspo platform terbaik 600 firma promosi produk

PUTRAJAYA: Ekspo OIC 2003 yang akan disertai lebih 600 syarikat dari negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bukan saja bertujuan mengembangkan pasaran mereka malah memberi peluang kepada ahli perniagaan negara ini mengenal pasti peluang perniagaan di luar negara.

Pengarah Eksekutif F&R Exhibition And Conference Sdn Bhd, Datuk Rosle Jamaat, berkata ekspo julung kali dan terbesar sempena persidangan OIC itu menjadi landasan terbaik kepada syarikat tempatan memperkenalkan produk masing-masing, selain mengintai peluang pelaburan di kalangan negara Islam.

Katanya, ini kerana selain syarikat dari lebih 30 negara anggota OIC, negara bukan anggota juga menyertai ekspo itu.

"Masyarakat perniagaan tempatan perlu merebut peluang ini kerana kerana kebanyakan pasaran di kalangan negara Islam belum lagi diterokai," katanya ketika ditemui di lokasi ekspo berkenaan.

Ekspo berkenaan yang diadakan di Presint 5, akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Selasa ini. Ekspo itu dibuka sehingga 19 Oktober.

Ia membabitkan kawasan seluas 30,000 meter persegi dengan ruang pameran 26,976 meter persegi. Selain negara anggota OIC, beberapa negara bukan anggota termasuk China, Perancis, Taiwan dan Korea Selatan, turut mengambil bahagian.

Syarikat tempatan merangkumi pelbagai sektor termasuk automobil, perbankan, perladangan, perkhidmatan, pembuatan dan telekomunikasi mengambil bahagian dalam ekspo berkenaan. Antaranya DRB-Hicom, Telekom Malaysia dan Felda.

Ekspo itu mempamerkan pelbagai barangan kraf, teknologi, kejuruteraan, pertanian dan kewangan di bawah satu bumbung.

Acara yang pertama kali diadakan sempena OIC itu mendapat sokongan Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Lembaga Penggalak Pelancong Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade).

Rosle berkata, selain syarikat tempatan, penyertaan syarikat dari Qatar paling banyak iaitu 80, diikuti 70 dari Iran, Pakistan (50) dan Indonesia (40).

Bank Pembangunan Islam (IDB) turut membiaya penyertaan syarikat dari 12 negara termasuk Yaman, Sudan, Azerbaijan dan Mozambique.

"Negara bukan anggota OIC iaitu China turut mengambil bahagian, membabitkan 30 penyertaan serta syarikat dari Pakistan, Korea Selatan dan Taiwan," katanya.

Beliau berkata, langkah menganjurkan ekspo itu dianggap sebagai model dalam perniagaan kepada negara Islam lain.

"Dengan ekspo ini, kita harap perdagangan di kalangan negara Islam dapat dikembang dan ditingkatkan lagi," katanya.